


BAGAIMANA MENGGUNAKAN KALKULATOR \$\$\$ LWN KECEKAPAN

1. Kalkulator ini membantu anda menganggar kos produk melawan kos penggunaan tenaga untuk 5 tahun. Kalkulator ini membantu anda membandingkan beberapa pilihan peralatan sebelum membeli. Sistem kedudukan (rating) yang adil hanya boleh dibuat jika kapasiti semua peralatan yang disbanding adalah sama. Kalkulator akan membantu anda membandingkan kecekapan kos berbanding kecekapan tenaga. Sistem ini berpandukan kos produk dan kos penggunaan tenaga sahaja.
2. Selepas anda mengenal pasti produk yang ingin di beli, anda memerlukan nilai sama ada kedua-dua Voltan dan Arus (Amperage) atau Kuasa untuk tujuan pengiraan.
3. Kenalpasti nilai yang perlu digunakan dalam kalkulator. Jika label anda seperti dalam Gambar 1. Voltan dan Arus (Amperage, juga dikenali sebagai Current) seperti dalam label.
4. Voltan di Malaysia boleh digunakan sebagai 220 V hingga 240 V, walau bagaimanapun, terdapat beberapa produk seperti computer riba dan telefon yang mungkin gunakan nilai Voltan yang rendah. Adalah lebih baik untuk memeriksa label.



(Gambar 1)

Perhatian: Jika nilai Arus dalam unit mAmp atau mA, sebagai contoh, 850 mAmp, ia adalah bersamaan dengan 0.85 Amp.

5. Terdapat juga label dengan nilai Kuasa (Watt) seperti dalam Gambar 2. Ini adalah lebih senang untuk digunakan.



(Picture 2)

6. Mari kita lihat kepada satu contoh yang ringkas dan bagaimana menggunakan data yang diperolehi.
- Langkah 1**, senaraikan barangan yang anda ingin beli. Pastikan nilai kuasa (atau voltan dan arus), kos produk dan jangkamasa penggunaan sehari dicatat.
 - Penyaman Udara A – 1000 Watt, RM 1000.00, 8 jam
 - Penyaman Udara B – 900 Watt, RM 1200.00, 8 jam
 - Penyaman Udara C – 800 Watt, RM 1400.00, 8 jam
 - Langkah 2**, masukkan data ke dalam kalkulator

> Fun Corner > \$\$\$ vs Efficiency

\$\$\$ vs Efficiency

Text Size A A A

Print Email PDF

(Note: You may can enter either Volt (V) and Current (A) or Power (P) only.)

Equipment	Air Cond A	
Price (RM)	1000	
Volt (V)		Current (A)
Power (W)	1000	
Hour per day	8	

Add Equipment Delete Equipment

No	Equipment	Price (RM)	Volt(V)	Current(A)	Power(W)	Hour per day

Rank 1 = very cost efficiency

No	Equipment	Bill Amount (RM)				Efficiency Rank
		1 Day	1 Month	1 Year	5 Years	

- Langkah 3**, Selepas memasukkan data, tekan butang Tambah Barang. Setelah anda memasukkan ke semua data, anda dapat lihat kedudukan kecekapan peralatan.

Bil.	Barang	Harga (RM)	Volt(V)	Current(A)	Power(W)	Masa dalam sehari
<input type="checkbox"/>	1 Penyaman A	1000			1000	8
<input type="checkbox"/>	2 Penyaman B	1200			900	8
<input type="checkbox"/>	3 Penyaman C	1400			800	8

Kedudukan 1 = Kecekapan Terbaik

Bil.	Barang	Amaun Bil (RM)				Kedudukan Kecekapan
		1 Hari	1 Bulan	1 Tahun	5 Tahun	
1	Penyaman A	1.74	52.32	636.56	3182.80	3
2	Penyaman B	1.57	47.09	572.90	2864.52	2
3	Penyaman C	1.40	41.86	509.25	2546.24	1

- Langkah 4, Penyaman Udara 4 mendapat kedudukan 1, ini merupakan nilai untuk wang anda.
7. Dengan kaedah ini, pengguna dapat menganggarkan kos penggunaan tenaga masa depan bagi peralatan. Sistem ini dikenali sebagai SISTEM DUA TAG HARGA. Tag harga pertama adalah kos produk dan Tag harga kedua adalah kos penggunaan tenaga. Pengguna patut membandingkan produk dengan kapasiti yang sama.